

06/07/2001

Marathon ikut peraturan Istaf: MOM

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) mendakwa pemilihan jenama Thailand, Marathon selaku bola rasmi pertandingan sepak takraw pada Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001 dari 8 hingga 17 September nanti mengikut peraturan yang ditetapkan.

Malah, badan induk itu menolak tanggapan bahawa mereka menjadi 'pak turut' dalam pemilihan bola temasya itu kerana tidak mengutamakan barangan tempatan serta menentang arus pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Kehormat MOM, Datuk Sieh Kok Chi, berkata pemilihan Marathon berdasarkan tawaran yang menarik, sudah mendapat perakuan Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (Istaf) dan syarikat pembuat bola itu mempunyai hubungan baik dengan badan induk antarabangsa itu.

"Tidak timbul isu hak tuan rumah atau tidak mengutamakan barangan tempatan kerana keputusan dibuat berdasarkan peraturan pemilihan barangan dan peralatan rasmi temasya serantau itu seperti ditetapkan.

"Kita mendapat dua tawaran bagi merebut hak selaku bola rasmi sepak takraw. Satu daripada pengeluar jenama tempatan, Gajah Emas dan satu lagi Marathon buatan Thailand.

"Kita sudah membuat penilaian dan mendapati Marathon menepati syarat ditetapkan. Mereka mengemukakan tawaran yang lebih baik, mendapat pengiktirafan Istaf dan mempunyai hubungan baik dengan badan induk antarabangsa itu.

"Kita boleh menyokong Gajah Emas tetapi masalahnya bola jenama tempatan itu tidak menepati syarat yang ditetapkan. Lagipun, bukan tugas kita untuk melawan dan memperjuangkan hak mereka sekiranya sudah terang-terangan bola jenama tempatan itu tidak menepati syarat yang ditetapkan.

"Sepatutnya Gajah Emas perlu melengkapkan diri terlebih dahulu," katanya selepas menerima tajaan bola rasmi dan peralatan pertandingan Sukan Sea XXI daripada Asia Pacific Sports Sdn Bhd di Majlis Sukan Negara (MSN) semalam.

Kelmarin, isu mengenai bola rasmi sepak takraw timbul semula apabila pengeluar jenama tempatan itu mempertikai kewibawaan MOM kerana memilih produk Thailand sebagai bola rasmi temasya dwitahunan itu.

Sambil menyifatkan tindakan MOM itu bertentangan aspirasi 'Malaysia Boleh', pengeluar Gajah Emas, Gajatakraw Industries Sdn Bhd, merumuskan senario itu menentang arus pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengarah Gajatakraw Industries Sdn Bhd, Kevin Lim, melahirkan kekecewaannya kerana barangan tempatan disisihkan walaupun temasya serantau itu berlangsung di Kuala Lumpur.

Terdahulu, Istaf memaklumkan kepada MOM bahawa Marathon akan digunakan sebagai bola rasmi sepak takraw di Sukan Sea nanti.

Badan induk antarabangsa itu dalam laporannya memberi alasan jenama Marathon sudah mendapat pengiktirafan antarabangsa, sedangkan Gajah Emas masih dalam kajian untuk disahkan produk terbaik.

Menurut Kok Chi, isu bola rasmi temasya dwitahunan itu bukan saja membabitkan sepak takraw tetapi juga bola tampar yang menyaksikan Mikasa dan Molten merebut hak selaku bola rasmi acara itu.

"Kedua-dua bola itu mendapat kelulusan daripada badan induk antarabangsa bola tampar dan masing-masing turut mengemukakan tawaran menarik.

"Tetapi oleh kerana Mikasa mempunyai hubungan baik dengan Persatuan Bola

Tampar Malaysia (Mava), Mava memutuskan memilih Mikasa selaku bola rasmi," katanya.

(END)